

Salah siapa anak terabai

Oleh NORAINI ABDUL RAZAK
(WARTAWAN UTUSAN)

U.M 20/09/07 MIS 10

gungjawab memantau perlakuan remaja di kawasan kejiranan.

Kedua-dua pihak hendaklah bersetuju supaya satu sistem diwujudkan untuk memperbaiki tatalaku anak-anak mereka.

Pihak sekolah dan jabatan pelajaran di peringkat daerah misalnya boleh mencapai persetujuan dengan ibu bapa yang anak-anak mereka sering ponteng sekolah atau dibuang sekolah. Menerusi kerjasama itu pihak berkuasa tempatan akan memantau tatalaku kanak-kanak atau remaja yang berkenaan.

● Perintah keibubapaan


Perintah ini dilaksanakan oleh mahkamah dan hanya boleh dikeluarkan apabila seorang kanak-kanak atau remaja itu ditangkap kerana terlibat dalam jenayah.

Ibu bapa dikehendaki menghadiri kursus keibubapaan di kawasan perumahan dan bertanggungjawab memastikan anak-anak mereka kembali ke sekolah. Kegagalan mematuhi perintah tersebut boleh menyebabkan mereka dikenakan hukuman.

● Notis hukuman

Pihak berkuasa tempatan, pengetua sekolah dan polis berhak mengeluarkan denda atau menghukum ibu bapa yang anak-anak mereka ponteng sekolah. Jika ibu bapa yang berkenaan enggan membayar denda maka mereka boleh didakwa di mahkamah.

Pensyarah Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Noor Aziah Mohd. Awal ketika ditanya mengenai senario itu ber-



SETIAP ibu bapa mesti mengawasi tingkah laku anak masing-masing untuk mengelak mereka terlibat dalam kegiatan yang tidak diinginkan.

— Gambar hiasan

Kita mesti kembali kepada akar masalah, seperti yang ditegaskan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan - tugas menjaga anak-anak merupakan tanggungjawab hakiki yang perlu dilaksanakan oleh setiap ibu bapa

KES kanak-kanak dan remaja hilang sama ada berpunca daripada jenayah tulen atau 'jenayah' yang diundang sememangnya menimbulkan kegelisahan.

Perkembangan itu menjadi amat menakutkan apabila ia makin kerap terjadi di kalangan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

Statistik Orang Hilang/Jumpa Seluruh Negara yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman menunjukkan sebanyak 759 kes kanak-kanak dan remaja hilang dilaporkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini.

Adakah kita ingin menyalahkan dunia yang semakin tidak selamat sebagai puncanya atau secara realitinya puncanya adalah kita sendiri. Bukankah sepatutnya apabila mengetahui dunia semakin tidak selamat kita terutamanya ibu bapa perlu lebih berhati-hati mengawal tingkah laku anak-anak.

Kita mesti kembali kepada akar masalah, seperti yang ditegaskan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan - tugas menjaga anak-anak merupakan tanggungjawab hakiki yang perlu dilaksanakan oleh setiap ibu bapa.

Justeru peningkatan kes kanak-kanak dan remaja hilang terutama yang tidak membabitkan unsur-unsur jenayah jelas menunjukkan wujud kelompok ibu bapa yang semakin lupa akan tanggungjawab mereka.

Ini mungkin didorong oleh desakan hidup yang perlu dipenuhi serta tuntutan-tripter lain yang mesti dihidu-

tan-tuntutan lain yang mesti diberi ketutamaan berbanding menjaga anak sendiri.

Di United Kingdom, Akta Kelakuan Anti Sosial (The Anti-social Behaviour Act) telah diwujudkan bagi memastikan ibu bapa bertanggungjawab terhadap sebarang salah laku yang dilakukan oleh anak-anak mereka.

Ini termasuk tindakan anak-anak meninggalkan rumah, ponteng sekolah atau terlibat dalam jenayah di kawasan tempat tinggal mereka.

Di bawah akta itu, polis, pihak berkuasa tempatan, jawatankuasa perumahan dan pihak-pihak lain diberi kuasa untuk menyelesaikan masalah-masalah yang tercetus dalam masyarakat. Penduduk setempat digalakkan untuk memerhati dan melaporkan sebarang kejadian yang dikategorikan sebagai kelakuan antisosial.

Terdapat beberapa kaedah untuk meletakkan tanggungjawab ke atas ibu bapa terhadap tingkah laku anak-anak mereka:

● Perjanjian keibubapaan

Perjanjian yang dibuat secara sukarela ini melibatkan ibu bapa dan pihak berkuasa tempatan yang diberi tang-

gungjawab. Akta Kanak-Kanak 2001 menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk memastikan ibu bapa tidak mengabaikan tanggungjawab mereka.

Katanya, akta yang mentakrifkan kanak-kanak sebagai seorang yang berumur di bawah 18 tahun itu mengkategorikan kanak-kanak kepada beberapa kumpulan apabila memperkatakan tentang isu pengabaian.

- kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan;
- kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan;
- kanak-kanak yang dilarikan dan diperdagangkan;
- kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah;

Akta tersebut juga menjadikan perbuatan aniaya, abai, cuai, buang atau mendedahkan kanak-kanak kepada kemungkinan kecederaan fizikal, mental dan emosi suatu kesalahan yang mana jika sabit, boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau keduanya sekali.

Seterusnya ibu bapa atau penjaga yang bertanggungjawab menanggung

nafkah anak dianggap cuai terhadap tanggungjawab ini jika dia gagal mengadakan makanan, pakaian, perubahan, pergigian, tempat tinggal dan jagaan untuk anak atau anak-anaknya.

"Ramai kanak-kanak 'cedera emosi' kerana hari ini mereka kehilangan alam kanak-kanak apabila ibu bapa terlalu ghairah menjadikan mereka dewasa sebelum masanya.

"Kanak-kanak hari ini tiada waktu bermain seperti kanak-kanak. Mereka dihantar tempat jagaan atau prasekolah semuda 3 dan 4 tahun dan disogokkan dengan berbagai ilmu untuk menjadikan mereka anak yang cemerlang akademiknya," katanya.

Katanya, ramai ibu bapa yang tidak sedar bahawa anak-anak yang mana ibu bapanya berkonflik juga boleh diberikan jagaan dan perlindungan kerana mereka terganggu emosinya.

Mengulas lanjut, Noor Aziah berkata, cuai pula boleh berlaku apabila seseorang sengaja membuat sesuatu atau tidak membuat sesuatu (*an act or omission*). Ibu bapa boleh dianggap cuai seperti meninggalkan anak dalam kereta semasa keluar membeli barang, atau tidak memegang tangan anak semasa berjalan dengannya sama ada dijalan

raya atau semasa membeli-belah.

Jika dilihat dalam masyarakat kita, perbuatan cuai berleluasa kerana tiada tindakan diambil terhadap ibu bapa yang cuai. Misalnya, meninggalkan anak-anak dalam rumah dan menguncinya dari luar adalah suatu kesalahan terutama apabila anak-anak tidak diawasi oleh seorang dewasa. Apabila berlaku tragedi seperti kebakaran, kita secara spontan bersimpati dan menghulur bantuan tanpa berpaling sekejap melihat sikap ibu bapa yang tidak bertanggungjawab.

Kita akan mengatakan 'takdir' dan pasrah dengan kehendak Allah. Ada ibu bapa yang membiar anak-anak berusia 7 hingga 9 tahun pulang sendiri ke rumah selepas sekolah kerana ibubapa bekerja. Di rumah mereka membuka pintu sendiri, menukar pakaian, memakan makan sendiri dan kemudian makan sendiri atau sesama mereka.

Jika Akta Kanak-Kanak 2001 telah diwujudkan untuk menjamin kesejahteraan kanak-kanak, maka ia perlu dilaksanakan supaya niat baik itu tidak tinggal niat sahaja. Kejahilan umum terhadap peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001 menunjukkan kegagalan kita semua dalam menangani isu ini.